



SIARAN MEDIA

3,634 TAPAK SAMPAH HARAM BERJAYA DITUTUP DI 7 BUAH NEGERI YANG MENERIMA PAKAI AKTA 672

KUALA LUMPUR, 11 Disember 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah berjaya **menutup 3,634 tapak sampah haram** di 7 buah negeri yang menerima pakai Akta 672 sekali gus memperkukuh pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming berkata, “Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan KPKT melalui SWCorp dalam membanteras pembuangan sampah haram secara terancang, berskala nasional, dan berimpak tinggi melalui penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)”.

Sehingga Oktober 2025, SWCorp telah melaksanakan operasi penguatkuasaan paling komprehensif sejak Akta 672 dikuatkuasakan dengan menutup **3,634 tapak sampah haram di 7 negeri** dan membersihkan **1,530 tan sisa pepejal** melibatkan kos sebanyak RM406,500.

“Melalui 4,268 operasi risikan, sebanyak 22 kes pembuangan haram berjaya dibawa ke mahkamah dengan jumlah denda RM385,000, selain 185 kenderaan disita sejak 2015 termasuk 23 kenderaan pada 2025 yang turut melalui proses pelucuthan mengikut keperluan,” katanya pada Program Sentuhan Kejayaan SWCorp KPKT: Operasi Pembasmian Dan Penutupan Tapak Sampah Haram 2025.

Selain itu, beliau turut menggariskan antara **kejayaan lain SWCorp sepanjang tahun** ini :

- i. Memperkukuh pemantauan melalui pemasangan 47 unit kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi panas yang berjaya mengesan 8 kes pembuangan haram untuk tindakan segera;
- ii. Memperkukuh pendekatan bersepadu melalui kerjasama strategik bersama agensi kerajaan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) bagi meningkatkan

kecekapan operasi dan risikan;

- iii. Melaksanakan pelan Penutupan Tuntas untuk menangani tapak sampah haram kategori kompleks, termasuk tanah persendirian serta sisa industri dan pembinaan;
- iv. Menubuhkan Unit Peronda Elit SWCorp dengan 100 motorsikal berkuasa tinggi yang mula beroperasi pada Disember 2025 bagi rondaan fokus di kawasan panas dan lokasi sukar dicapai;
- v. Memainkan peranan penting dalam operasi pembersihan pasca bencana banjir pada bulan lalu dengan mengerahkan 928 anggota kerja dan 304 unit jentera untuk melaksanakan operasi pembersihan seterusnya melupuskan 1,156.57 tan sisa.

“Usaha yang dijalankan ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan MADANI dalam memastikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dilaksanakan secara teratur dan sistematik,” ujar beliau.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T